



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 21/2024

MELAKA TUAN RUMAH PENGANJURAN SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

1. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Hari Belia Negara (HBN) bertempat di Menara Taming Sari, Melaka, hari ini.
2. Pra Pelancaran ini juga diserikan dengan kehadiran EXCO Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Melaka, YB P. Shanmugam Pitchay dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad serta Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), saudara Mohd Izzat Afifi Abd Hamid.
3. HBN merupakan pengiktirafan dan penghargaan khusus yang diberikan kerajaan buat golongan belia yang turut memainkan peranan secara signifikan di dalam arus perdana pembangunan negara.
4. Bersempena HBN yang disambut setiap tahun pada 15 Mei, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan MBM akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 bertempat di Dataran Pahlawan, Banda Hilir bermula 24 hingga 26 Mei 2024.
5. Majlis perasmian dijangka akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh serta Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh. Majlis yang bakal berlangsung pada 25 Mei 2024 ini turut diisi dengan Majlis Penyampaian APBN Peringkat Kebangsaan
6. Mengangkat tema "Yakin Boleh", penganjuran program dan aktiviti berfokuskan 10 Gaya Hidup Rakan Muda dengan 60 buah pengisian antaranya Malam Solidariti Palestin, Larian Yakin Boleh Belia Malaysia 2024, Himpunan Komuniti Belia, perkhemahan belia, Pavilion Seni Budaya Negeri-negeri, karnival kerjaya, jualan dan pameran agensi kerajaan, swasta dan NGO serta banyak lagi.

7. Lebih menarik, sambutan juga turut diserikan dengan penganjuran Kembara RIUH @ HBN 2024 yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Komunikasi menerusi penyelarasan oleh MyCreative Ventures Sdn. Bhd.
8. Membuka tirai sambutan HBN, KBS menerusi JBSN juga akan menganjurkan Program Semarak HBN @ KBS 2024 pada 15 Mei 2024 bertempat di Podium A, Menara KBS, Putrajaya dengan pelbagai pengisian iaitu Bacaan Ikrar Belia Malaysia, Konvensyen Belia Integriti Nasional dan aktiviti Gaya Hidup Rakan Muda.
9. Selain itu, KBS turut menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk melaksanakan bacaan Ikrar Belia Malaysia di seluruh institusi pendidikan di bawah pentadbiran masing-masing melibatkan belia berumur 15 hingga 30 tahun serentak di seluruh negara.
10. Seterusnya, sambutan HBN juga akan diteruskan di peringkat negeri bermula 17 hingga 19 Mei 2024 dan turut diisi dengan Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Negeri. Senarai sambutan seperti di **LAMPIRAN A**.
11. Penganjuran sambutan HBN diyakini dapat memperkukuhkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara dan memperluaskan akses belia kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan seiring dengan kerangka Malaysia MADANI dan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).
12. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran HBN, sila hubungi JBSN melalui talian 03-8871 3290 atau e-mel jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

9 Mei 2024

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA TAHUN 2024

BIL	NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	TARIKH (2024)	LOKASI
1.	Perlis	18 – 19 Mei	Dataran Lok 9, Kuala Perlis
2.	Kedah	17 – 18 Mei	Menara Alor Setar
3.	Pulau Pinang	18 – 19 Mei	Lotus's Seberang Jaya
4.	Perak	18 – 19 Mei	Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak, Ipoh
5.	Selangor	18 – 19 Mei	Taman Milenium, Kuala Kubu Bharu
6.	Kuala Lumpur	18 – 19 Mei	Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara
7.	Negeri Sembilan	18 – 19 Mei	Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Paroi
8.	Melaka	18 – 19 Mei	Stadium Mini Jasin
9.	Johor	17 – 19 Mei	Dataran Tasik Pengerang, Kota Tinggi
10.	Kelantan	18 – 19 Mei	Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu
11.	Terengganu	17 – 18 Mei	Payang Walk, Kuala Terengganu
12.	Pahang	TBC	TBC
13.	Sabah	17 – 18 Mei	Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu
14.	Sarawak	17 – 18 Mei	Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu
15.	Labuan	17 – 19 Mei	Ujana Kewangan

*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa